UUM Universiti Utara Malaysia
Dalam Akhbar
Unit Komunikasi Korporat

Tarikh: 4 NOV 2015 Muka Surat: 11

☐ News Straits Times ☐ Utusan Malaysia ☐ Berita Harian ☐ Sin Chew Daily ☐ Tamil Nesan Daily
☐ NanYang Siang Pau ☐ Harian Metro ☑ Kosmo ☐ Kwong Wah Yit Poh ☐ Malaysia Nanban
☐ The Star ☐ The Sun ☐ Sinar Harian ☐ China Press ☐

UUM/AA10/KOSMO/4.11.2015/P:11 (1-2)

Analisis Kosmo!

Laut China Selatan jadi medan tunjuk kekuatan



Dari Menara Gading

MD. SHUKRI SHUIB

KEHADIRAN kapal pemusnah peluru berpandu Amerika Syarikat (AS), USS Lassen ke perairan kepulauan Spratly seperti dilapor media pada 28 Oktober lalu nampaknya mengundang kemarahan kerajaan China. Kemarahan itu menjelmakan betapa sikap dan dasar kerajaan China yang jelas menyatakan kepulauan Spratly adalah mutlak milik Republik Rakyat China yang tertubuh sejak 31 Oktober 1949.

Namun mereka dilihat melindungi sesuatu kawasan atau wilayah yang baru dituntut dan tuntutan itu pula hanyalah berasaskan kepada sandaran lemah bahawa Spratly milik China berikutan nama lautan di situ ialah 'Laut China Selatan'.

> "Mungkin sudah tiba masanya Laut China Selatan itu ditukar nama kepada 'Laut ASEAN' bersempena kesepaduan serantau Asia Tenggara

Wujudnya perkataan 'China' bagi laut yang disempadani Vietnam, Filipina, Malaysia serta Brunei itu jelas bukan sandaran fakta kukuh bagi kerajaan China untuk bertindak menguasai kawasan berkenaan.

Apakah kerajaan China tidak berhajat menguasai keseluruhan 'China Town' yang ada di seluruh dunia dan dimasukkan sebagai wilayah negara berkenaan kerana nama China jelas wujud pada rujukan bagi kata nama tempat berkenaan?

Bahkan juga mungkin Pekan Cina di Alor Star atau Bukit Cina di Melaka juga boleh dikatakan milik Beijing jika mengambil kira hanya wujud perkataan China atau Cina pada lokasi berkenaan.

Ini pastinya suatu yang mengarut untuk dijadikan fakta tuntutan wilayah. Begitulah halnya dalam kes tuntutan kerajaan China ke atas keseluruhan pulau-pulau yang ada di Spratly. Tindakan kerajaan komunis China yang berpusat di Beijing memberikan nama-nama dalam bahasa Cina kepada lokasi pulau yang ada di perairan berkenaan juga tidak munasabah.

Saya sebutkan 'kerajaan komunis' China bukanlah sebagai provokasi, sebaliknya, kerana wujud satu lagi kerajaan China iaitu Republik China yang berpusat di Taiwan dan berideologi demokrasi.

Sikap agresif Beijing ke atas Laut China Selatan kelihatan tidak munasabah. Mereka membina pulau tiruan secara besar-besaran. Ini seolah mencabar hak dan kedaulatan negara rantau Asia Tenggara yang terlibat.

Dahulu lautan itu dinamakan Laut Champa. Tetapi malangnya kerajaan Champa sudah tidak wujud dan tinggal sisa sejarah yang dilihat tidak signifikan pada dunia antarabangsa kini.

Champa adalah rujukan kepada satu tamadun kerajaan dan Kesultanan Melayu yang pernah wujud di lokasi selatan Vietnam dan Kemboja pada masa kini. Begitulah nasib kerajaan Champa, hilang legasi tanah air hingga saki baki komuniti rakyat kesultanan yang begitu kuat 500 tahun dahulu kini hanya tinggal sejarah.

Bahkan, nama lautannya juga telah hanyut ditelan sejarah dan dinisbahkan pada satu kerajaan bangsa yang lebih kuat iaitu China. Malangnya China seolah-olah mempergunakan jolokan nama laut berkenaan bersempena nama wilayah mereka bagi mendapatkan hak eksklusif pemilikan mutlak menafikan hak dan kedaulatan negara lain ke atas kawasan berkaitan.

Kehadiran kapal perang AS mungkin tidak disukai Beijing, namun ia memberikan satu isyarat kuat buat Beijing dan rantau ASEAN bahawa Washington sebenarnya sedang memerhatikan dan menguji keseriusan semua pihak berkaitan Spratly sama ada China atau lain-lain negara peka atau tidak akan kehadiran Washington di rantau ini.

Mungkin sudah tiba masanya Laut China Selatan itu ditukar nama kepada 'Laut ASEAN' bersempena kesepaduan serantau Asia Tenggara atau boleh juga dinamakan 'Laut Spratly'. ASEAN boleh berbincang dengan Washington akan peranannya sebagai penimbang tara keselamatan Spratly untuk manfaat bersama di rantau ini dalam hubungannya bersama Beijing.

Nampaknya peranan ketenteraan AS yang selama ini seolah bertindak sebagai pasukan pelindung bagi Taiwan dan Jepun kini mungkin sudah mula meluaskan peranan hingga ke 'laut Spratly'.

Dalam kes rebutan agresif Beijing ke atas kawasan strategik ASEAN di Spratly, negara-negara yang berkaitan tuntutan pembahagian sempadan pulau dan laut di dalam ASEAN perlu bersatu dan sepakat dalam menyediakan alternatif bagi menghalang peluasan wilayah taklukan Beijing yang mula melarat hingga ke ASEAN, bahkan mengundang campur tangan tentera perang Washington.

Selagi tiada kekuatan ASEAN secara bersama atau membentuk satu pasukan khas rondaan dan kawalan yang boleh digeruni pihak lain, selagi itulah negara-negara di ASEAN ini akan terjebak dengan gugatan 'pencerobohan' China ke atas kawasan Spratly.

● **Penulis ialah Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa, Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.**